



PARLIMEN MALAYSIA
KUALA LUMPUR

YPDR. 10/4/1/10 (16)

30hb. Julai 2021

Yang Berhormat Dato' Ngeh Koo Ham
Ahli Parlimen Kawasan Beruas
d/a Dewan Rakyat
KUALA LUMPUR

Yang Berhormat,

USUL DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 43

USUL BAHAWA ORDINAN (KUASA-KUASA PERLU) DARURAT 2021 DIBATALKAN DAN IA DIKEMUKAKAN DAN DIBENTANGKAN DI DEWAN RAKYAT SEBAGAI SUATU RANG UNDANG-UNDANG UNTUK PERTIMBANGAN MAJLIS DEWAN RAKYAT BAGI DILULUSKAN DENGAN SEPENUHNYA ATAU SEBAHAGIANNYA, DIPINDA ATAU DITOLAK SEPENUHNYA

Saya dengan hormatnya merujuk kepada pemberitahu usul YB Dato' rujukan NKH/Parliament-6/2021 bertarikh **Isnin, 26 Julai 2021**.

2. Sebagaimana yang telah saya jelaskan melalui surat saya bertarikh 23 Julai 2021, urusan-urusan Mesyuarat Khas di bawah Peraturan Mesyuarat 11(3) ditetapkan oleh Perdana Menteri.
3. Dalam hal ini, penolakan usul YB Dato' sebenarnya berlandaskan kepada **urusan-urusan yang ditetapkan oleh Perdana Menteri untuk Mesyuarat Khas ini** tidak termasuk apa-apa usul oleh mana-mana ahli mesyuarat.
4. Di samping itu, penolakan usul YB Dato' bukanlah berlandaskan kepada keputusan saya sebagai Tuan Yang di-Pertua.
5. Oleh yang demikian, saya berpendapat rayuan YB Dato' tidak berasas. Apa-apa usaha untuk menukar urusan yang telah ditetapkan oleh Perdana Menteri di bawah Peraturan Mesyuarat 11(3) perlulah dibawa kepada Perdana Menteri.

Sekian, terima kasih.

Salam Hormat,

DATUK AZHAR AZIZAN HARUN



Y.B. DATO' NGEH KOO HAM 拿督倪可汉

Pejabat Ahli Parlimen Kawasan Beruas, Malaysia.

马来西亚木威区国会议员办公室

Alamat: Lot 1935, Kampung Baru, 32400 Ayer Tawar, Perak Darul Ridzwan.

Telefon: 006-05-6722 855 Fax: 006-05-6723 855

Email: ngehkooham@gmail.com

Ruj Tuan: YDPR 10/4/1/10(11)

Ruj Kami: NKH/Parliament – 6/2021

26hb Julai 2021

Dr Nizam Mydin bin Bacha Mydin
Setiausaha Dewan Rakyat,
Parlimen Malaysia,
Bangunan Parlimen,
Jalan Parlimen,
50680 Kuala Lumpur.

Tuan,

Per: Notis Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 43, Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat

Bahawasanya Yang DiPertua Dewan Rakyat telah pada 23hb Julai, 2021 menolak usul saya yang berbunyi '**bahawa Ordinan (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 2021 dibatalkan dan ia dikemukakan dan dibentangkan di Dewan Rakyat sebagai suatu Rang Undang-Undang untuk pertimbangan Majlis Dewan Rakyat bagi diluluskan dengan sepenuhnya atau sebahagiannya, dipinda dan ditolak sepenuhnya**' untuk dibawa ke Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat untuk dibahaskan dan diputuskan.

Bahawasanya saya, Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas) tidak berpuas hati dengan keputusan Yang DiPertua Dewan Rakyat tersebut dan dengan ini menyusul di bawah Peraturan Mesyuarat 43, Peraturan-Peraturan Dewan Rakyat bahawa "**Keputusan Yang DiPertua Dewan Rakyat menolak usul Ahli Parlimen Beruas yang berbunyi 'bahawa Ordinan (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 2021 dibatalkan dan ia dikemukakan dan dibentangkan di Dewan Rakyat sebagai suatu Rang Undang-Undang untuk pertimbangan Majlis Dewan Rakyat bagi diluluskan dengan sepenuhnya atau sebahagiannya, dipinda dan ditolak sepenuhnya**' dibatalkan dan usul Ahli Parlimen Beruas tersebut dibenarkan dibawa dan dibentangkan di Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat untuk dibalas dan diputuskan".

Usul ini dibawa kerana ketiga-tiga alasan yang diberikan oleh Yang DiPertua Dewan Rakyat untuk menolak usul saya adalah tidak berasas. Berikut adalah alasan-alasan yang diberikan oleh Yang DiPertua Dewan Rakyat semasa menolak usul yang hendak dibawa oleh saya.

Alasan 1: Sidang Khas bermula 15hb Julai 2021 adalah menurut Peraturan Mesyuarat 11(3) dan urusan telah ditetapkan seperti perenggan 4 pemberitahu sidang khas tersebut.

Jawapan: Perenggan 4 pemberitahu sidang khas menyatakan Proklamasi Darurat bertarikh 11hb Januari 2021 (P.U.(A)7/2021) akan dibentangkan menurut Perkara 150 (3) Perlembagaan Persekutuan. Memandangkan perkara Proklamasi Darurat ini adalah sebahagian daripada urusan sidang khas ini, maka usul yang dibawa oleh saya berkenaan dengan Proklamasi Darurat adalah teratur.

Alasan 2: Bahawa saya tidak menyatakan secara jelas peruntukan spesifik dibawah Peraturan-Peraturan Mesyuarat yang mana usul saya dibawa.

Jawapan: Ini adalah tidak benar. Saya telah dengan jelas menyatakan usul saya dibawa dibawah Peraturan-Peraturan Mesyuarat 27(3), 90 dan 26(1)(m) dibaca bersama.

Alasan 3: Bahawa usul saya tidak teratur menurut Perkara 150(3) Perlembagaan Persekutuan dan Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Jawapan: Ini tidak betul kerana dibawah Perkara 150(3) Perlembagaan Persekutuan semasa satu Proklamasi Darurat dibentangkan di Dewan Rakyat, Dewan Rakyat boleh membuat resolusi untuk membatalkan Proklamasi Darurat tersebut. Cara Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat membuat sesuatu resolusi adalah melalui suatu usul yang dibawa oleh ahli-ahlinya.

Usul dibawah Peraturan Mesyuarat 43 ini merupakan satu hak rayuan seorang ahli Dewan Rakyat kepada Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat yang tidak berpuas hati terhadap keputusan seorang Yang DiPertua Dewan Rakyat. Usul ini hendaklah disenaraikan untuk keputusan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, dan Yang DiPertua Dewan Rakyat tidak ada kuasa atau hak untuk menghalangnya dibawa ke Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Dilampirkan dokumen-dokumen berikut sebagai rujukan:-


- (i) Notis usul saya bertarikh 19hb Julai 2021 (Isnin)
- (ii) Surat penolakan usul saya bertarikh 23hb Julai 2021 (Jumaat) daripada Yang DiPertua Dewan Rakyat

Notis Usul dibawah Peraturan Mesyuarat 43 boleh dikemukakan pada bila-bila masa sahaja dan jika pejabat Yang DiPertua memerlukan masa 2 hari yang dinyatakan dalam Peraturan Mesyuarat 43, diminta usul ini dikemukakan dan dibentangkan di Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat pada hari ketiga ia dikemukakan kepada pejabat Yang DiPertua Dewan Rakyat.

Sila akui penerimaan.

Sekian, Terima kasih.

Yang benar,



Dato' Ngeh Koo Ham

Ahli Parlimen Kawasan Beruas.



PARLIMEN MALAYSIA
KUALA LUMPUR

YPDR. 10/4/1/10 (11)

23hb. Julai 2021

Yang Berhormat Dato' Ngeh Koo Ham

Ahli Parlimen Kawasan Beruas
d/a Pejabat Ahli Parlimen Kawasan Beruas
Lot 1935, Kampung Baru
32400 Ayer Tawar
PERAK

Yang Berhormat,


**USUL BAHAWA ORDINAN (KUASA-KUASA PERLU) DARURAT 2021 DIBATALKAN DAN
IA DIKEMUKAKAN DAN DIBENTANGKAN DI DEWAN RAKYAT SEBAGAI SUATU RANG
UNDANG-UNDANG UNTUK PERTIMBANGAN MAJLIS DEWAN RAKYAT BAGI
DILULUSKAN DENGAN SEPENUHNYA ATAU SEBAHAGIANNYA, DIPINDA ATAU
DITOLAK SEPENUHNYA**

Dengan segala hormatnya pemberitahuan usul YB Dato' yang diterima pada **Isnin, 19 Julai 2021** rujukan NKH/Parliament-2/2021 adalah dirujuk.

2. Sepertimana yang dimaklumkan dalam pemberitahu Sidang Khas bertarikh 15 Julai 2021, Sidang Khas ini diadakan menurut Peraturan Mesyuarat 11(3) yang mana telah diperuntukkan bahawa urusan semasa Sidang Khas hendaklah ditentukan oleh YAB Perdana Menteri. Dalam hal ini, semua urusan telah pun ditetapkan seperti di perenggan 4 pemberitahu Sidang Khas tersebut.
3. Selain itu, saya mendapati bahawa YB Dato' tidak menyatakan secara jelas peruntukan spesifik di bawah peraturan mesyuarat yang mana usul Ahli Yang Berhormat ini dikemukakan.
4. Saya juga berpandangan bahawa usul YB Dato' tidak teratur menurut Perkara 150(3) Perlembagaan Persekutuan dan Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.
5. Oleh itu, saya tidak dapat membenarkan usul YB Dato' dibawa ke Majlis Mesyuarat. Keputusan saya dalam perkara ini adalah muktamad.

Sekian, terima kasih.

Salam Hormat,


DATUK AZHAR AZIZAN HARUN



Y.B. DATO' NGEH KOO HAM 拿督倪可汉

Pejabat Ahli Parlimen Kawasan Beruas, Malaysia.

马来西亚木威区国会议员办公室

Alamat: Lot 1935, Kampung Baru, 32400 Ayer Tawar, Perak Darul Ridzwan.

Telefon: 006-05-6722 855 Fax: 006-05-6723 855

Email: ngehkooham@gmail.com

Ruj Tuan: -

Ruj Kami: NKH/Parliament-2/2021

19hb Julai 2021

DR NIZAM MYDIN BIN BACHA MYDIN

Setiausaha Dewan Rakyat,

Parlimen Malaysia,

Bangunan Parlimen, Jalan Parlimen,

50680 Kuala Lumpur.

Melalui Kurier/

Emel:

nizam.mydin@parlimen.gov.my

Tuan,

Per: Notis Usul yang akan Dikemukakan oleh Ahli Parlimen Beruas pada Persidangan Mesyuarat Dewan Rakyat bermula dari 26hb Julai 2021

Dengan ini saya, Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas) memberi notis untuk menyusulkan 'bahawa Ordinan (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 2021 dibatalkan dan ia dikemukakan dan dibentangkan di Dewan Rakyat sebagai suatu Rang Undang-Undang untuk pertimbangan Majlis Dewan Rakyat bagi diluluskan dengan sepenuhnya atau sebahagiannya, dipinda atau ditolak sepenuhnya'.


Saya ingin memohon keperluan notis tidak kurang daripada 14 hari di bawah Peraturan Mesyuarat 27 (3) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat digantung kerana pemberitahuan sidang mesyuarat Dewan Rakyat kali ini hanya dikeluarkan oleh Tuan bagi pihak Yang Di-Pertua Dewan Rakyat pada hari Jumaat, 15hb Julai 2021 iaitu 10 hari sebelum persidangan mesyuarat Dewan Rakyat. Jadi, keperluan notis 14 hari ini mustahil dapat dipatuhi.

Yang Di-Pertua Dewan Rakyat boleh menggantungkan peruntukan keperluan ini di bawah Peraturan Mesyuarat 90, Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat dan saya akan menyusulkan

Sila akui penerimaan surat ini.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Ngeh Koo Ham', written over a horizontal line.

Dato' Ngeh Koo Ham

Ahli Parlimen Beruas